

HIKMAH PUASA

1. Meningkatkan Ketakwaan Kepada Allah SWT melalui amalan wajib dan sunat yang dilaksanakan

Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan kerana iman dan mengharap pahala dari Allah, maka dosanya di masa lalu pasti diampuni

(Hadith riwayat Bukhari)

2. **PUASA ADALAH PERISAI**, yang mana Ramadhan adalah titik awal perubahan untuk menjadi seorang Muslim yang lebih baik, dan berusaha untuk terus selamanya menjadi baik
3. Lapar dan dahaga mendidik sifat sabar dan merasai penderitaan orang yang tidak mampu.
4. Melatih diri mengawal hawa nafsu serta mendidik sifat Amanah dan Integriti. Walaupun andai kata kita berbuka puasa tidak ada sesiapa pun yang mungkin mengetahuinya.
5. Memperbaiki kesihatan tubuh badan dengan syarat mengamalkan diet pemakanan yang betul

Daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda : “Apabila seseorang kamu berpuasa, janganlah ia bercakap perkara-perkara yang kotor dan sia-sia, dilarang juga bertengkar dan memaki hamun. Apabila ia dimaki hamun oleh seseorang atau diajak bermusuhan, maka hendak ia berkata, “Sesungguhnya aku berpuasa hari ini”.

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

HIDUPKAN RAMADHAN DENGAN :

1. Bersahur
2. Berpuasa pada siangnya dengan menahan diri daripada makan minum serta perkara-perkara yang mungkar (maksiat)
3. Menghidupkan malam dengan Qiamullail
4. Menunaikan solat tarawih
5. Tadarus al-quran
6. Beriktikaf terutama 10 malam terakhir
7. Memperbanyakkan sedekah
8. Memberi makanan kepada orang yang berpuasa
9. Bersederhana dalam berbelanja dan makan minum
10. Menunaikan zakat fitrah

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) pada Malam al-Qadar, Dan adakah engkau mengetahui akan kebesaran Malam al-Qadar itu?, Malam al-Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan”. [al-Qadr, 1-3]

Ramadhan Bulan Rahmat Penuh
Keberkatan Dan Pahala



رمضان كريم



Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

(al-Baqarah : 183)

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN
PUSAT DAKWAH ISLAMIAH NEGERI SEMBILAN
JALAN PAROI SENAWANG
06-6771890 / 6771891

**SEKSYEN 114 (1)
ENAKMEN JENAYAH SYARIAH
NEGERI SEMBILAN**

**MANA-MANA ORANG ISLAM YANG
MENJUAL ATAU MEMBERI MAKANAN/
MINUMAN PADA WAKTU BERPUASA DALAM
BULAN RAMADHAN UNTUK DIMAKAN/
DIMINUM SERTA-MERTA ADALAH
MELAKUKAN KESALAHAN**



**SEKSYEN 114 (2)
ENAKMEN JENAYAH SYARIAH
NEGERI SEMBILAN**

**MANA-MANA ORANG ISLAM YANG YANG
MAKAN, MINUM ATAU MENGHISAP
SEBARANG TEMBAKAU ATAU SEUMPAMA
NYA (ROKOK,VAPE DLL) PADA WAKTU
BERPUASA DALAM BULAN RAMADHAN
ADALAH MELAKUKAN KESALAHAN**



TIDAK PUASA TU KESALAHAN
SAYA DENGAN TUHAN



TAPI BILA KAMU TIDAK PUASA DI
KHALAYAK AWAM ATAU ADA YANG
NAMPAK KAMU TIDAK PUASA, IA
DAH JADI KESALAHAN SYARIAH

SAYA NAK BERI MAKLUMAT ADA
KEDAI YANG BUKA AWAL PAGI



JHEAINS TIDAK ADA KUASA UNTUK
MELARANG DARI ORANG BERNIAGA.
TAPI KALAU PENIAGA ITU MENJUAL
MAKANAN DAN PEMBELI ISLAM MAKAN
DI KEDAI BERKENAAN, JHEAINS BOLEH
AMBIL TINDAKAN TERHADAP PENIAGA
DAN PEMBELI

SAYA MEMANG TIDAK BOLEH
BERPUASA



ITU BUKAN LESEN DAN KEBENARAN
UNTUK MAKAN DI KHALAYAK AWAM

Apabila disabitkan dikenakan hukuman :

KESALAHAN PERTAMA :

**Denda tidak melebihi SATU RIBU RINGGIT atau
penjara selama tempoh tidak melebihi ENAM
BULAN**

KESALAHAN KEDUA :

**Denda tidak lebih DUA RIBU RINGGIT atau
penjara selama tempoh tidak lebih daripada
SATU TAHUN atau KEDUA-DUANYA**

Apabila disabitkan dikenakan hukuman :

KESALAHAN PERTAMA :

**Denda tidak melebihi LIMA RATUS RINGGIT atau
penjara selama tempoh tidak melebihi TIGA
BULAN**

KESALAHAN KEDUA :

**Denda tidak lebih SATU RIBU RINGGIT atau
penjara selama tempoh tidak lebih daripada
ENAM BULAN atau KEDUA-DUANYA**

**HORMATI ORANG BERPUASA,
HORMATI BULAN RAMADHAN**